



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia keutamaan kepada Rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan sahaja untuk mengisi kekosongan jawatan seperti di dalam iklan.

JAWATAN	KLASIFIKASI	KUMPULAN	GREED	JADUAL GAJI (RM SEBULAN)
Penolong Pegawai Penilaian (Kontrak)	Perkhidmatan Kewangan	Pelaksana	W27	Gaji Minimum - Gaji Maksimum 1,367.00 - 5,098.00
Pembantu Penilaian (Kontrak)	Perkhidmatan Kewangan	Pelaksana	W17	Gaji Minimum - Gaji Maksimum 929.00 - 3,377.00
Pembantu Awam (Kontrak)	Perkhidmatan Kemahiran	Pelaksana	H11	Gaji Minimum – Gaji Maksimum 837.00 – 2,619.00

1. JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GREED W27**  
[ KONTRAK ] - 1 Kekosongan

**SYARAT LANTIKAN**

1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;  
**(keutamaan diberi kepada calon lelaki sahaja)**
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Tanah atau Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM1,742.28 ]**

DAN

- (b) Lulus dalam subjek Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik Berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- i. mempunyai kelayakan di atas ; dan
- ii. lulus Peperiksaan Khas ; dan
- iii. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

## LATIHAN

Penolong Pegawai Penilaian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.

## PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan gaji tahunan adalah **tidak automatik** dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

## DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab memungut maklumat dan menganalisis butiran mengenai jual beli harta, sewaan, hakmilik tanah, mengira keluasan tanah dan bangunan, mengawas dan melaksanakan urusan latihan dan pengurusan pentadbiran yang berkaitan.

2 JAWATAN : **PEMBANTU PENILAIAN GRED W17**  
[ KONTRAK ] - 1 Kekosongan

**SYARAT LANTIKAN** 2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;  
**(keutamaan diberi kepada calon lelaki sahaja)**
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;  
**[ Gaji permulaan : RM929.00 ]** atau
  - (iv) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM1,379.92 ]**
- DAN
- (b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## DESKRIPSI TUGAS:

Menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menerima arahan tugas informasi harta tanah, menerima arahan dan menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas

3 JAWATAN : **PEMBANTU AWAM GRED H11**  
[ KONTRAK ] - 15 Kekosongan

**SYARAT LANTIKAN** 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**[ Gaji permulaan : RM850.00 ]**

DAN

- (b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **DESKRIPSI TUGAS:**

Menjalankan tugas-tugas am bersifat hand-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam di luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

#### **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang MPM 1** yang boleh dimuat turun dari portal **internet** sahaja dengan melayari [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my), Majlis Perbandaran Manjung.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi mestilah disertakan dengan **salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil yang berkaitan dan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan serta sekeping gambar terbaru berukuran pasport.**
- (c) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 33sm x 23sm. Disudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- (d) Pemohon yang lahir di luar Perak, sila kemukakan salinan kad pengenalan ibu / bapa yang telah disahkan.
- (e) Permohonan **AKAN DITOLAK** sekiranya;
  - i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
  - ii) tidak lengkap atau tidak terang;
  - iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - iv) tidak ditulis Nombor Kad Pengenalan;
  - v) tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat; dan
  - vi) tidak ditandatangani.

## ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

(melalui pos)

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
JALAN PINANG RAJA  
32040 SERI MANJUNG  
PERAK DARUL RIDZUAN**

atau

(serahan tangan)

**KAUNTER 1SERVE (TINGKAT BAWAH)  
BANGUNAN BLOK B  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
32040 SERI MANJUNG  
PERAK DARUL RIDZUAN**

Sebelum atau pada : **22 MAC 2016 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI**

### **CATATAN AM**

- (a) Calon-calon hendaklah menggunakan borang MPM 1 yang ditetapkan.
- (b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (d) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

<b>SENARAI SEMAK PEMOHON</b>			
<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>ADA</b>	<b>TIADA</b>
<b>1</b>	<b>Borang Permohonan Jawatan</b>		
<b>2</b>	<b>Gambar (Ukuran Pasport)</b>		
<b>3</b>	<b>Salinan Kad Pengenalan &amp; Sijil Kelahiran</b>		
<b>4</b>	<b>Salinan Sijil / STPM / SPM / PMR (yang berkenaan)</b>		
<b>5</b>	<b>Salinan Sijil Berhenti Sekolah</b>		

❖ **SALINAN DOKUMEN DAN SIJIL HENDAKLAH DISAHKAN.**